

15 JUN 2004

NAM-MAJLIS

MAHATHIR Pengerusi Panel Penasihat Antarabangsa Majlis Perniagaan NAM

KUALA LUMPUR, 15 Jun (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad telah dilantik sebagai pengerusi Panel Penasihat Antarabangsa Majlis Perniagaan NAM mulai hari ini, kata setiausaha agung majlis itu, Datuk Dr Michael Yeoh.

Yeoh, yang merupakan pengarah dan ketua eksekutif Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI) berkata, Majlis Perniagaan NAM terdiri daripada Lembaga Pengarah, Panel Penasihat Antarabangsa dan Lembaga Pengurusan dan Sekretariat Tetap.

Sebuah Panel Penasihat Antarabangsa dengan keanggotaan tidak melebihi 25 orang telah dibentuk terdiri daripada bekas negarawan dan pakar serta tokoh-tokoh perniagaan dan akademik dari negara-negara anggota Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM).

Ahli-ahli Panel Penasihat Antarabangsa lain termasuklah Wakil Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan pengerusi Biro Penyelarasan NAM, Datuk Rastam Mohd Isa; presiden Persekutuan Dewan Perniagaan dan Industri India, Y K Modi; pengarah Institut Kajian Asia Tenggara, Singapura, K. Kesavapany; pengarah eksekutif Institut Kajian Masa Depan bagi Pembangunan Thailand, Dr Priengsak Chareonwongsak; dan bakal presiden, Konfederasi Industri India, Sunit Kant Munjal.

Majlis itu akan dikendalikan oleh Sekretariat Tetap yang terdiri daripada Lembaga Pengurusan dan Pejabat Setiausaha Agung.

Presiden Persatuan Selatan-Selatan Malaysia, Tan Sri Azman Hashim, telah dilantik sebagai presiden majlis yang baru dilancarkan itu.

Jose Concepcion, bekas presiden, Dewan Perniagaan dan Industri Asean, Filipina telah dilantik sebagai salah seorang naib presiden majlis itu.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak telah mewakili Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selaku pengerusi NAM melancarkan Majlis Perniagaan itu hari ini.

Acara hari ini juga menyaksikan pelancaran logo dan paparan pernyataan visi dan misi, serta objektif majlis itu, iaitu untuk berusaha menjadi majlis perniagaan perdana dalam mencapai matlamat negara-negara anggota NAM melalui kerjasama antarabangsa yang lebih erat.

Yeoh berkata, majlis itu akan berusaha membincangkan isu-isu penting dan mempertingkatkan inisiatif utama berkaitan pembangunan ekonomi negara-negara anggota NAM, khususnya dari segi kewangan, perdagangan, pelaburan dan teknologi.

"Kita harap dapat menjadi pelengkap kepada inisiatif-inisiatif antarabangsa dan serantau yang lain, dalam usaha untuk mempertingkat dan memperkukuhkan perkongsian antara kerajaan dan usahawan niaga dalam perdagangan dan pelaburan," katanya. -- BERNAMA

TNS KTC KY AA